

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JULAI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5

## Laksana gaji progresif sejajar pertumbuhan ekonomi

### Laksana gaji progresif sejajar pertumbuhan ekonomi

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia perlu melaksanakan mekanisme gaji progresif bertujuan menambah baik pendapatan pekerja agar seimbang dengan peralihan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Selagi gaji dan jaringan sosial 16 juta tenaga buruh tidak setara dan ditambah baik, sasaran menjadi antara 30 kuasa ekonomi terbesar dunia akan sia-sia.

Ketika ini kedudukan gaji pekerja tidak seimbang dengan peningkatan kos sara hidup.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd. Effendy Abdul Ghani berkata, sudah tiba masanya kerajaan menggunakan mekanisme gaji progresif yang memperkenalkan kenaikan gaji secara berperingkat dan berfasa supaya setanding dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut beliau, perkara itu

tidak boleh lagi dilengahkan kerana rakyat kini berdepan kenaikan kos sara hidup dan harga barangan sekali gus menuntut dasar gaji ditambah baik dari semasa ke semasa bagi menjamin penajaman pendapatan lebih baik.

"Apatah lagi kerajaan pernah menyasarkan purata pendapatan isi rumah sekitar RM10,000 sebulan pada 2025 dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), maka gaji dan jaringan sosial perlu dipertingkatkan agar matlamat ini dapat dicapai dalam tempoh dua tahun lagi.

"Jadi pelaksanaan gaji progresif perlu disejajarkan di samping penambahbaikan dasar gaji minimum agar pendapatan rakyat bertambah jika mahu serius menjadi antara 30 negara kuasa terbesar dunia yang merupakan salah satu penanda aras Ekonomi Madani ini," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan kerangka baharu hala tuju negara, Ekono-



**Sudah tiba masanya kerajaan menggunakan mekanisme gaji progresif yang memperkenalkan kenaikan gaji secara berperingkat dan berfasa supaya setanding dengan pertumbuhan ekonomi negara."**

mi Madani menetapkan sasaran Malaysia menjadi antara 30 kuasa ekonomi terbesar di dunia bagi memastikan kekayaan negara dikongsi semua lapisan masyarakat.

Rangka dan hala tuju itu juga mengariskan enam penanda aras lain yang ingin mengemulakan status Malaysia sebagai kuasa ekonomi ulung di Asia.

Dalam pada itu, Mohd. Effendy melihat sasaran peningkatan gaji kepada 45 peratus KDNK berbanding 32.4 peratus pada 2022 seperti diumumkan Perdana Menteri dilihat tepat pada masanya kerana usaha berkenaan selaras dengan norma di negara maju.

Katanya, meskipun negara memiliki dasar gaji minimum sebagai garis siling gaji, kadar itu perlu dipertingkatkan sejajar kemahiran, pengalaman dan kelayakan.

"Matlamat gaji bermaruah ini sekali gus dapat mempertingkatkan produktiviti tenaga buruh apabila kumpulan ini melihat bakat dan usaha mereka terus dihargai, ia sekali gus memberi nilai tambah kepada majikan dan syarikat kerana memiliki pekerja berdaya saing," katanya.

Sementara itu, Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Datuk Dr. N. Marimuthu berkata, Malaysia perlu menjadi negara mesra pelabur untuk menarik lebih banyak syarikat luar yang sekali gus dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan akhirnya meningkatkan pendapatan rakyat sejajar pertumbuhan kos sara hidup.

"Jika mahu meningkatkan kuasa membeli, kena ada peluang pekerjaan dan segala-galanya bergantung kepada jumlah pelabur ke negara ini," katanya.

Malah beliau memberitahu, kerajaan juga perlu mengkaji semula dasar birokrasi yang masih wujud kerana ia menjadi faktor pelabur enggan bertapak ke negara ini sekali gus merencatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu kata Marimuthu, kestabilan politik tanah air perlu dikekalkan kerana ia banyak mempengaruhi minat dan masukannya pelabur.